

**PENGARUH MINAT MURID, SOKONGAN IBU
BAPA DAN KOMPETENSI GURU TERHADAP
PENGLIBATAN MURID DALAM
AKTIVITI KOKURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH DI SABAH**



SHEILA MICHAEL

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PENGARUH MINAT MURID, SOKONGAN IBU
BAPA DAN KOMPETENSI GURU TERHADAP
PENGLIBATAN MURID DALAM
AKTIVITI KOKURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH DI SABAH**

SHEILA MICHAEL



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS DISERTASI

JUDUL : **PENGARUH MINAT MURID, SOKONGAN IBU BAPA DAN KOMPETENSI GURU TERHADAP PENGLIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM SEKOLAH MENENGAH DI SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

Saya **SHEILA MICHAEL**, Sesi **2018-2022**, mengaku membenarkan tesis Doktor ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan.)

TIDAK TERHAD




SHEILA MICHAEL
DP1811032T

Tarikh : 30 November 2022

Disahkan Oleh,

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Prof. Madya Dr. Abdul Said Bin Ambotang)
Penyelia


PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05 September 2022



Sheila Michael
DP1811032T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SHEILA MICHAEL**

NO. MATRIK : **DP1811032T**

TAJUK : **PENGARUH MINAT MURID, SOKONGAN IBU BAPA
DAN KOMPETENSI GURU TERHADAP PENGLIBATAN
MURID DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM SEKOLAH
MENENGAH DI SABAH**

IJAZAH : **DOKTOF FALSAFAH PENDIDIKAN**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

TARIKH VIVA : **05 SEPTEMBER 2022**



PENYELIA
Prof. Madya Dr. Abdul Said Bin Ambotang

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

PENGHARGAAN

Dengan Nama Tuhan Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniannya, kajian ini dapat disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Said bin Ambotang yang sedia membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam melengkapkan kajian ini. Kesudian beliau untuk melapangkan masa bagi membantu menyiapkan penyelidikan ini amat saya hargai. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pensyarah yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberi pandangan dan kesediaan untuk berkongsi ilmu dalam disertasi sarjana ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat yang memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada semua guru yang terlibat dalam menjayakan kajian ini baik secara langsung mahupun tidak langsung. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah memberi tunjuk ajar, pandangan dan kerjasama.

Penghargaan yang paling istimewa kepada kedua ibu bapa saya atas segala kasih sayang yang dicurahkan, pengorbanan dan iringan doa restu. Buat keluarga tersayang terima kasih atas segala pengorbanan, pengertian, sokongan, kesabaran dan dorongan yang diberikan terutama dalam sepanjang laluan ini. Semoga jasa baik dan bakti yang dicurahkan akan mendapat ganjaran daripada Yang Maha Esa serta memberkati kehidupan kita semua di dunia dan akhirat. Sekian.

Sheila Michael
05 September 2022

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh minat murid, sokongan ibu bapa dan kompetensi guru terhadap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sekolah menengah di Sabah. Kajian kuantitatif ini mengaplikasikan kaedah tinjauan dan menggunakan borang soal selidik adaptasi untuk memungut data daripada 492 murid sekolah menengah sebagai sampel. Data tersebut dianalisis menggunakan perisian IBM-SPSS-AMOS 25. Analisis deskriptif menunjukkan Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa, Kompetensi Guru dan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum berada pada tahap sederhana dan tinggi. Ujian-t Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum berdasarkan jantina ($t=1.021$, $df=490$, $p>0.05$), umur ($t=-1.130$, $df=490$, $p>0.05$) dan lokasi sekolah ($t=-.152$, $df=490$, $p>0.05$) menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan tetapi mempunyai perbezaan yang signifikan dengan saiz sekolah ($t=5.140$, $df=353$, $p<0.05$). Ujian Korelasi Pearson pula menunjukkan wujudnya hubungan positif yang signifikan antara Minat Murid ($r=0.114$, $p<0.05$), Sokongan Ibu Bapa ($r=0.620$, $p<0.01$) dan Kompetensi Guru ($r=0.263$, $p<0.01$) dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum. Analisis Laluan SEM menunjukkan bahawa Minat Murid dan Sokongan Ibu Bapa mempunyai pengaruh yang signifikan. Variabel bebas tersebut mampu meramal Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum pada kadar 62%. Menerusi analisis SEM, kajian ini juga berjaya membangunkan satu cadangan Model Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum yang menggabungkan variabel bebas tersebut sebagai faktor utama kepada Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum. Dapatan-dapatan kajian ini adalah bukti empirikal bahawa Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum dapat ditingkatkan menerusi minat murid, sokongan ibu bapa dan kompetensi guru. Oleh itu, hasil kajian ini diharap boleh menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sistem pendidikan sekolah menengah dan mampu meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum pada masa yang akan datang.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF STUDENT INTEREST, PARENTAL SUPPORT AND TEACHER COMPETENCE ON STUDENT INVOLVEMENT IN SECONDARY SCHOOL COCURRICULAR ACTIVITIES IN SABAH

This study aims to identify the relationship and influence of student interest, parental support and teacher competence on student involvement in secondary school cocurricular activities in Sabah. This quantitative study applied a survey method and used an adaptation questionnaire to collect data from 492 high school students as a sample. The data were analyzed using IBM-SPSS-AMOS 25 software. Descriptive analysis showed that Student Interest, Parental Support, Teacher Competence and Student Involvement in Cocurricular Activities were at medium and high levels. The t-test of Student Involvement in Cocurricular Activities based on gender ($t=1.021$, $df=490$, $p>0.05$), age ($t=-1.130$, $df=490$, $p>0.05$) and school location ($t=-.152$, $df=490$, $p>0.05$) showed no significant difference but had a significant difference with school size ($t = 5.140$, $df = 353$, $p <0.05$). Pearson Correlation Test showed a significant positive relationship between Student Interest ($r = 0.114$, $p <0.05$), Parental Support ($r = 0.620$, $p <0.01$) and Teacher Competence ($r = 0.263$, $p <0.01$) with Student Involvement in Cocurricular Activities. SEM Pathway Analysis showed that Student Interest and Parental Support had a significant influence. These independent variables are able to predict Student Involvement in Cocurricular Activities at a rate of 62%. Through SEM analysis, this study also successfully developed a proposed Model of Student Involvement in Cocurricular Activities that combines these independent variables as a key factor to Student Involvement in Cocurricular Activities. The findings of this study are empirical evidence that Student Involvement in Cocurricular Activities can be enhanced through student interest, parental support and teacher competence. Therefore, the results of this study can hopefully be a guide to all parties involved directly or indirectly in the secondary school education system and able to increase student involvement in cocurricular activities in the future.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	20
1.5 Persoalan Kajian	21
1.6 Hipotesis Kajian	21
1.7 Kepentingan Kajian	22
1.8 Limitasi Kajian	24
1.9 Definisi Operasional	26
1.9.1 Penglibatan Aktiviti Kokurikulum	26
1.9.2 Minat Murid	27
1.9.3 Sokongan Ibu Bapa	28
1.9.4 Kompetensi Guru	28
1.10 Rumusan	29

BAB 2: SOROTON LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Penglibatan Aktiviti Kokurikulum	30
2.2.1	Definisi Penglibatan Aktiviti Kokurikulum	30
2.2.2	Teori dan Model Penglibatan Aktiviti Kokurikulum	32
2.2.3	Kajian Lepas Berkaitan Penglibatan Aktiviti Kokurikulum	39
2.3	Minat Murid	54
2.3.1	Definisi Minat Murid	54
2.3.2	Teori dan Model Minat Murid	58
2.3.3	Kajian Lepas Berkaitan Minat Murid	65
2.4	Sokongan Ibu Bapa	73
2.4.1	Definisi Sokongan Ibu Bapa	73
2.4.2	Teori dan Model Sokongan Ibu Bapa	74
2.4.3	Kajian Lepas Berkaitan Sokongan Ibu Bapa	80
2.5	Kompetensi Guru	92
2.5.1	Definisi Kompetensi Guru	92
2.5.2	Teori dan Model Kompetensi Guru	93
2.5.3	Kajian Lepas Berkaitan Kompetensi Guru	98
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	104
2.7	Rumusan	108

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	109
3.2	Reka Bentuk Kajian	109
3.3	Populasi Kajian	111
3.4	Persampelan Kajian	113
3.5	Instrumen Kajian	121
3.5.1	Maklumat Demografi	125
3.5.2	Pengukur Minat Murid	125
3.5.3	Pengukur Sokongan Ibu Bapa	126
3.5.4	Pengukur Kompetensi Guru	128

3.5.5	Pengukur Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum	129
3.6	Kajian Rintis	130
3.6.1	Kesahan Kandungan Instrumen Kajian	131
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	140
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	141
3.8	Analisis Data	142
3.8.1	Kaedah Deskriptif	143
3.8.2	Kaedah Inferensi	144
3.9	Rumusan	149

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	150
4.2	Latar Belakang Demografi Responden	150
4.2.1	Taburan Responden Kajian	150
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur, Saiz Sekolah dan Lokasi Sekolah	151
4.3	Semakan Data Kajian	152
4.4	Kebolehpercayaan Alat Kajian	153
4.5	Dapatan Kajian	154
4.5.1	Tahap Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa, Kompetensi Guru dan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah (Objektif 1)	155
4.5.2	Perbezaan Skor Min Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah Berdasarkan Faktor Demografi (Objektif 2)	156
4.5.3	Hubungan Minat Murid dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah (Objektif 3)	162
4.5.4	Hubungan Sokongan Ibu Bapa dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah (Objektif 4)	163

4.5.5	Hubungan Kompetensi Guru dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah (Objektif 5)	164
4.5.6	Pengaruh Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa dan Kompetensi Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah (Objektif 6)	165
4.5.7	Model Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Murid Sekolah Menengah di Sabah (Objektif 7)	167
4.6	Ringkasan Dapatan Kajian	169
4.6.1	Tahap Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa, Kompetensi Guru dan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	170
4.6.2	Perbezaan Skor Min Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah Berdasarkan Faktor Demografi	170
4.6.3	Hubungan Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa dan Kompetensi Guru dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	170
4.6.4	Pengaruh Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa dan Kompetensi Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	171
4.6.5	Model Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	171
4.7	Rumusan	171

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	172
5.2	Rumusan Kajian	172
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	175

5.3.1	Tahap Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa, Kompetensi Guru dan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	175
5.3.2	Perbezaan Skor Min Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah Berdasarkan Faktor Demografi	185
5.3.3	Hubungan Minat Murid dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah Di Sabah	191
5.3.4	Hubungan Sokongan Ibu Bapa dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	192
5.3.5	Hubungan Kompetensi Guru dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	194
5.3.6	Pengaruh Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa dan Kompetensi Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	196
5.3.7	Model Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Murid Sekolah Menengah di Sabah	197
5.4	Implikasi Kajian	199
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori dan Model	200
5.4.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	203
5.4.3	Implikasi Terhadap Pengamalan	204
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	206
5.6	Penutup	207
	RUJUKAN	209
	LAMPIRAN	253

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Ketidakhadiran Murid Sekolah Menengah Bagi Aktiviti Kokurikulum Tahun 2017	15
Jadual 1.2: Peratusan Gred Purata Sekolah (GPS) Kokurikulum	16
Jadual 2.1: Pembinaan Konstruk Berasaskan Teori dan Model Kajian	106
Jadual 3.1: Bilangan Sekolah Menengah Harian Biasa dan Jumlah Murid Mengikut Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Sabah	112
Jadual 3.2: Pemilihan Sampel Kajian	121
Jadual 3.3: Kandungan Soal Selidik	124
Jadual 3.4: Konstruk dan Nombor Item Variabel Minat Murid	126
Jadual 3.5: Konstruk dan Nombor Item Variabel Sokongan Ibu Bapa	128
Jadual 3.6: Konstruk dan Nombor Item Variabel Kompetensi Guru	129
Jadual 3.7: Konstruk dan Nombor Item Variabel Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum	130
Jadual 3.8: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Minat Murid	134
Jadual 3.9: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Sokongan Ibu Bapa	135
Jadual 3.10: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Kompetensi Guru	137
Jadual 3.11: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum	138
Jadual 3.12: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item Kajian	140
Jadual 3.13: Tafsiran Skor Min	143
Jadual 3.14: Nilai Kekuatan Kolerasi	145
Jadual 3.15: Indeks Kesepadanan Model dan Tahap Penerimaan (<i>Fitness Indexes Model</i>)	146
Jadual 3.16: Pengukuran Kesepadanan Model	147
Jadual 3.17: Ringkasan Kaedah Dalam Menganalisis Data	148
Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Sekolah Terpilih	151

Jadual 4.2:	Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur, Saiz Sekolah dan Lokasi Sekolah	152
Jadual 4.3:	Ujian Normaliti Data	153
Jadual 4.4:	Ujian Kebolehpercayaan Alat Kajian	154
Jadual 4.5:	Skor Min Variabel dan Konstruk Kajian	156
Jadual 4.6:	Skor Min Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah Mengikut Demografi	157
Jadual 4.7:	Analisis Ujian-t Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah Berdasarkan Jantina	158
Jadual 4.8:	Analisis Ujian-t Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah Berdasarkan Umur	159
Jadual 4.9:	Analisis Ujian-t Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah Berdasarkan Saiz Sekolah	160
Jadual 4.10:	Analisis Ujian-t Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah Berdasarkan Lokasi Sekolah	161
Jadual 4.11:	Analisis Korelasi Pearson di Antara Minat Murid dengan dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	162
Jadual 4.12:	Analisis Korelasi Pearson di Antara Sokongan Ibu Bapa dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	163
Jadual 4.13:	Analisis Korelasi Pearson di Antara Kompetensi Guru dengan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	164
Jadual 4.14:	Pengaruh Minat Murid, Sokongan Ibu Bapa dan Kompetensi Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah di Sabah	165
Jadual 4.15:	Keputusan Kesesuaian Model Persamaan Struktur	169

SENARAI RAJAH


	Halaman
Rajah 2.1: Model ARCS (<i>Attention, Relevance, Confidence & Satisfaction</i>)	39
Rajah 2.2: Model Minat Empat Fasa	61
Rajah 2.3: Teori Tindakan Bersebab	74
Rajah 2.4: Teori Tingkah Laku Terancang	76
Rajah 2.5: Model Ibu Bapa	78
Rajah 2.6: Hierarki Keperluan Maslow	94
Rajah 2.7: Model Kompetensi Iceberg	96
Rajah 2.8: Kerangka Konseptual Kajian	107
Rajah 3.1: Prosedur Persampelan Kajian	119
Rajah 4.1: Model Persamaan Struktur Pengaruh Variabel Bebas Terhadap Variabel Bersandar Kajian	168



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN


SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
Sig.	-	<i>Significant</i>
df	-	<i>degree of freedom</i>
F	-	<i>Frequency</i>
KMO	-	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Borang Soal selidik	253
Lampiran B: Panel Pakar Pemeriksa Borang Soal Selidik	260
Lampiran C: Kebenaran Penggunaan Instrumen Kajian Asal	263
Lampiran D: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	264
Lampiran E: Jadual Penentuan Saiz Responden Krejcie dan Morgan (1970)	267
Lampiran F: Analisis Faktor	268
Lampiran G: Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	310
Lampiran H: Ujian Kebolehpercayaan Kajian Lapangan	351
Lampiran J: Ujian Normaliti	360
Lampiran J: Data Deskriptif	378
Lampiran K: Data Inferensi	383



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia adalah memastikan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) yang dirancang selama ini dipenuhi. Matlamat utama DPK adalah melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu; melahirkan insan beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera; menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara; dan memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Dalam usaha memantapkan sistem pendidikan, kurikulum (akademik) dan kokurikulum hendaklah selaras mengikut dasar agar pengetahuan serta kemahiran murid adalah seiring dengan keperluan zaman. Dengan itu, tanggungjawab untuk memenuhi dan melahirkan generasi tersebut telah diletakkan di bahu institusi pendidikan sejak daripada awal lagi dan termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Maka, sistem pendidikan negara secara tidak langsung memainkan peranan yang penting dalam mencapai wawasan negara sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Kokurikulum merupakan salah satu daripada cabang pengurusan dalam sistem pendidikan di Malaysia di samping pentadbiran dan hal ehwal murid. Aktiviti yang dijalankan adalah kesinambungan daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan potensi dalam diri. Dalam hal ini, perancangan, pendekatan dan penyeliaan yang berterusan membolehkan visi serta misi dapat dicapai dalam bidang kokurikulum (Rasyidi & Siti Aisyah, 2020). Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum bermula dari Tahun Tiga (Sekolah Rendah) sehingga Tingkatan 6 (Sekolah Menengah). Murid

sekolah rendah perlu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sekurang-kurangnya 60 minit seminggu (Tahun Tiga dan Tahun Empat); 120 minit seminggu (Tahun Lima dan Tahun Enam) manakala 120 minit hingga 180 minit seminggu bagi sekolah menengah (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2007). Umumnya, penglibatan kokurikulum yang dimaksudkan adalah aktiviti yang melibatkan unit beruniform; kelab dan persatuan; serta sukan dan permainan. Semua murid dan guru wajib menyertai aktiviti kokurikulum berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Aktiviti kokurikulum amat dititikberatkan khususnya sekolah menengah memandangkan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Universiti Awam (UA) menetapkan syarat merit 10 peratus markah kokurikulum di mana setiap murid wajib mengikuti tiga aktiviti kokurikulum seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2005.

Pelbagai usaha yang telah dan sedang giat dilakukan dalam bidang pendidikan di Malaysia khususnya kokurikulum. Salah satu usaha yang giat dilakukan adalah mengadakan kegiatan kokurikulum dalam semua peringkat institusi pendidikan di Malaysia. Pendapat Sang (2008) menyatakan bahawa kokurikulum dijalankan di sekolah adalah bertujuan untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan '*esprit de corps*', iaitu perasaan kekitaan yang wujud di antara murid berbilang kaum di sekolah, melatih murid untuk bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari, serta berkemahiran dalam sesuatu bidang yang mereka sertai berdasarkan Laporan Kabinet 1979. Menurut Md. Roknuzzaman (2020), penglibatan aktiviti kokurikulum adalah penting bagi membina tingkah laku, moral, sivik, intelektual, fizikal dan mental murid. Selain itu, Ab. Alim (2004) dan Tam (2010) pula menjelaskan kokurikulum memainkan peranan yang penting kerana ianya bertujuan untuk merealisasikan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum yang boleh diperolehi melalui aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial. Di samping itu, kokurikulum juga dapat memberi peluang kepada murid untuk membina kekuatan jasmani, meningkatkan keupayaan mental dan membantu dalam kestabilan emosi. Kepentingan aktiviti ini kepada murid telah mendapat perhatian yang tinggi oleh ibu bapa, sekolah dan universiti (Stearns & Glennie, 2010).

Pandangan Marjohan dan Mohd Sufian (2007) mendapati bahawa aktiviti kokurikulum merupakan salah satu kaedah untuk membentuk perkembangan personaliti murid. Hal ini demikian kerana aktiviti kokurikulum dapat membantu murid untuk berfikiran positif dan mempunyai semangat berpasukan yang tinggi. Nur Munirah dan Mohamad Shukri (2020) menjelaskan bahawa murid dapat mengembangkan potensi diri dan minat mereka dengan lebih baik melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Malah, Nur Izza dan Wan Hanim (2014) turut berhujah melalui aktiviti kokurikulum di sekolah, murid dapat mengembangkan beberapa domain penting iaitu domain intelek dan domain personaliti. Merujuk kepada Dasar Pendidikan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), pihak kementerian telah menjalankan pelbagai jenis program. Salah satu program yang dititikberatkan adalah Dasar 1 Murid 1 Sukan. Dasar tersebut menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Program ini dilaksanakan agar penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dapat ditingkatkan sekaligus meningkatkan minat murid.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam penglibatan aktiviti kokurikulum anak-anak mereka (Hoyle & Leff, 1997; Anderson, Funk, Elliott, & Smith, 2003; Mansour & Martin, 2009; Stirrup, Duncombe & Sandford, 2015). Dalam hal ini, ibu bapa perlu memikul tanggungjawab dalam memberikan motivasi secara berterusan, memberi dorongan dan membuat penilaian terhadap anak-anak bagi menyokong penyertaan mereka serta memenuhi harapan mereka sendiri (Woolger & Power, 1993; Stein, Raedeke & Glenn, 1999). Komunikasi yang baik dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan malahan membantu anak-anak meningkatkan perkembangan diri, emosi serta pencapaian mahupun penglibatan mereka di sekolah (Cooper, Robinson & Patall, 2006).

Oleh itu, bagi memastikan tujuan dan matlamat kokurikulum yang dilaksanakan tercapai, pelbagai pihak perlu bekerjasama untuk menjayakannya terutama di peringkat sekolah. Guru penasihat bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti yang dijalankan. Selain itu, guru penasihat juga bertanggungjawab ke atas murid sepanjang aktiviti kokurikulum dijalankan (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, KPM, 1980). Dalam

erti kata lain, pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum di peringkat sekolah haruslah dijalankan dengan sistematik dengan bantuan dan kerjasama daripada pihak sekolah khususnya guru agar matlamat untuk melahirkan individu yang selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dipenuhi. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah dirancang dengan maksud mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan dan kurikulum kegiatan serta skema penilaian yang pragmatis serta progresif. Tambahan pula, kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah mengandungi elemen-elemen pengetahuan, pengalaman dan kemahiran baru serta nilai-nilai murni yang membantu membangunkan intelek, jasmani, emosi serta rohani murid secara seimbang.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan keberkesanan kokurikulum yang diadakan di sekolah, penglibatan murid perlulah diberikan perhatian oleh guru dan pihak sekolah. Hal ini perlu dilakukan supaya objektif aktiviti kokurikulum yang diadakan dapat dicapai secara menyeluruh. Masalah keketidakhadiran murid dan peratusan gred purata sekolah dalam kokurikulum perlu dipandang serius memandangkan ia masih tidak mencapai tahap yang cemerlang. Oleh itu, semua pihak harus bekerjasama dalam menangani masalah tersebut. Minat murid, sokongan ibu bapa dan kompetensi guru akan dikaji bagi melihat hubungan dan pengaruh penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Sekaligus akan dijadikan panduan dalam mengurangkan isu ketidakhadiran dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan gred purata sekolah dalam kokurikulum.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kokurikulum dalam pendidikan telah ditekankan sejak sekian lama oleh para sarjana. Pada zaman Renaissance, Vittoria da Feltre (1378-1446), berpendapat bahawa pendidikan tidak akan lengkap jika kegiatan praktikal seperti sukan dan permainan tidak termasuk dalam kurikulum sekolah. Pandangan ini dipersetujui dan diterapkan dalam pendidikan tahun demi tahun, namun bergantung kepada sejauh mana ia dilaksanakan di sekolah dengan serius. Di rantau Asia ini, pengakap pertama sekolah ditubuhkan di Singapura pada tahun 1909. Pada masa itu, kokurikulum dianggap sebagai aktiviti luaran. Melalui pindaan Kursus Pengajian

Sekolah 1956 yang digubal dalam Akta Pendidikan 1961, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan pelaksanaan kokurikulum di sekolah di mana aktiviti tersebut dinamakan sebagai aktiviti kumpulan (Ab. Alim, 2004).

Menurut peraturan dalam Pelajaran 1956, kokurikulum merupakan salah satu aktiviti tambahan dalam kurikulum sekolah. Kegiatan kokurikulum adalah sebahagian daripada Kurikulum kebangsaan (Akta Pendidikan 1996: Akta 550). "Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan" (Subperaturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Pendidikan Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai PU (A) 531/97.

Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan setiap murid. Mereka hendaklah mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja pakaian seragam, satu kegiatan persatuan atau kelab dan satu kegiatan sukan atau permainan (Surat Pekeliling ikhtisas Bil 1/1985). Selain itu, penyertaan, kehadiran dan pencapaian murid dalam kegiatan kokurikulum hendaklah direkod dan diberi penilaian. Hal ini telah ditegaskan dalam Perkara 8.2.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/1985 dan Perkara 2.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 2/1986). Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah hendaklah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa ada unsur-unsur diskriminasi atau paksaan tetapi berfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi di kalangan murid-murid (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/2000).

Kegiatan kokurikulum memainkan peranan khas dalam kurikulum sekolah kerana mereka bukan sebahagian daripada kurikulum formal dalam kebanyakan sistem pendidikan. Kokurikulum adalah penting untuk merealisasikan dan mampu mengatasi persaingan dan cabaran meluas yang semakin meningkat. Proses perkembangan individu ini perlulah berterusan dan komprehensif tanpa pemisah antara kurikulum dan kokurikulum (Ab. Alim, 2004; Tam Yeow Kwai, 2010). Kegiatan kokurikulum di sekolah boleh dilaksanakan dengan penglibatan dan

penyertaan anggota masyarakat setempat (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1985). Di satu pihak, murid yang mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum secara berkala lebih cenderung untuk mengembangkan keupayaan mereka untuk meneroka potensi diri dan menyesuaikan sikap dan hasilnya, mereka menikmati pencapaian akademik dan bukan akademik yang lebih tinggi (Hansen *et al.*, 2003; Darling, Caldwell & Smith, 2005; Larson *et al.*, 2006; Bundick, 2011; Metsapelto & Pulkkinen, 2012). Selain itu, Saqinah dan Noremy (2020) menjelaskan bahawa penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum boleh mempertingkatkan kemahiran insaniah murid.

Kajian yang dijalankan oleh Ansari *et al.* (2015) membuktikan kebanyakan murid berasa tidak berpuas hati dengan aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan menyebabkan mereka lebih berminat untuk menjalankan aktiviti seperti khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO). Hal ini menunjukkan bahawa institusi pendidikan telah mula kehilangan peluang untuk menarik minat murid untuk menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah, malah gagal untuk melibatkan murid. Selain itu, perkembangan dunia teknologi hari ini menyebabkan murid kurang berminat melibatkan diri dalam aktiviti sekolah. Ini kerana murid lebih melibatkan diri dengan gajet dan internet yang menyebabkan mereka kurang aktif di sekolah (Ahmad & Khalid 2017). Dalam hal ini, minat murid perlu dititikberatkan bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Bagi Ransdell, Oakland & Taylor (2003), mereka berpendapat bahawa persekitaran, psikologi dan sosiologi yang menjadi penghalang untuk murid agar berminat melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan. Persekitaran yang dimaksudkan adalah seperti pengaruh teknologi, cuaca yang kurang baik dan masalah kewangan. Selain itu, psikologi meliputi kurangnya keyakinan untuk melakukan aktiviti sukan, perasaan tidak selesa dan sebagainya manakala sosiologi menjurus kepada tiada galakan daripada rakan-rakan atau terlalu fokus kepada aktiviti lain. Oleh itu, tiga aspek tersebut harus ditekankan bagi memperbaiki dan mendorong murid agar lebih berminat dalam melakukan aktiviti kokurikulum.

Menurut Orme (1991) dalam Syed Kamaruzaman *et al.* (2014), murid terutamanya perempuan merasa kecewa dan tidak selesa dengan aktiviti